

Lawatan PM ke Turkmenistan Capai hasil Luar Jangkaan

Bernama

Jun 11, 2014

Oleh Nur-ul Afida Kamaludin

ASHGABAT (TURKMENISTAN), 11 Jun (Bernama) -- Lawatan rasmi kedua Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Turkmenistan pada Isnin dan Selasa dianggap amat berjaya apabila ia mencapai hasil yang lebih bermakna dan di luar jangkaan.

Matlamat lawatan beliau ke negara Asia Tengah ini adalah untuk memperkukuh kerjasama sedia ada terutamanya dalam bidang minyak dan gas selain mempelbagai bidang kerjasama baharu.

Namun, lawatan itu menjadi lebih bermakna apabila Presiden Turkmenistan Gurbanguly Berdimuhamedov dengan jelas memberitahu Najib bahawa beliau amat yakin dengan Malaysia dan bersedia menjalinkan kerjasama dalam bidang baharu selain memperkukuh hubungan sedia ada.

Sejak memulakan hubungan rasmi lebih 20 tahun lepas, Malaysia dan Turkmenistan telah menjalinkan hubungan saling menghormati dan penuh keyakinan antara satu sama lain.

Duta Malaysia di Turkmenistan Norman Muhamad mengakui bahawa keserasian Najib dengan Berdimuhamedov serta Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dengan rakan sejawatannya Rashid Meredov turut menyumbang kepada kejayaan lawatan Najib.

Beliau berkata Najib dan Berdimuhamedov membincangkan banyak perkara baharu untuk jalinan kerjasama kedua-dua negara termasuk dalam bidang pendidikan tinggi, budaya, industri halal, perbankan Islam selain menambah pelaburan dalam sektor minyak dan gas menerusi Petronas.

Hasil lawatan pemimpin Malaysia itu juga membolehkan Petronas mengukuhkan kerjasama strategik dengan Turkmenistan, negara yang mempunyai jumlah simpanan gas keempat terbesar di dunia iaitu seluas 17.5 trilion meter padu selepas Iran, Rusia dan Qatar.

Selain telah melabur US\$8 bilion dalam sektor minyak dan gas di Turkmenistan setakat

ini, Petronas akan melaksanakan perancangan lebih besar berikutan pemeteraian memorandum persefahaman bagi kerjasama jangka panjang dengan State Agency in Charge of Hydrocarbon di Pejabat Presiden Turkmenistan.

Petronas menyertai industri cari gali minyak dan gas di Turkmenistan dengan meneroka di Laut Kaspia sejak 1996 melalui kontrak perkongsian pengeluaran dengan Turkmenistan, dengan syarikat Malaysia itu melakukan cari gali sebelum menjual hasil gas dan minyak kepada negara ini menerusi Turkmen Gas.

Dengan pelaburan yang besar itu, penglibatan Petronas di negara Asia Tengah yang kaya dengan kawasan minyak dan gas ini akan menjadi lebih strategik pada masa akan datang.

Selain itu, komitmen Malaysia untuk terus menjalinkan hubungan dengan Turkmenistan ditampikan menerusi pemeterian Kenyataan Bersama Najib dan Berdimuhamedov yang ditandatangani kedua-dua pemimpin itu.

Mereka turut menyaksikan empat dokumen lain ditandatangani iaitu Perjanjian Kerjasama Kebudayaan antara Malaysia dan Turkmenistan ditandatangani Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Pemangku Menteri Kebudayaan Turkmenistan Annageldi Garajayev manakala satu Minit Yang Dipersetujui berhubung Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Bersama Perdagangan antara Malaysia dan Turkmenistan ditandatangani Timbalan Ketua Setiausaha Perdagangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Mohd Ridzal Sharif dan Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Ekonomi Luar Turkmenistan Bayer Abayen.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Pelajaran Turkmenistan Gulshat Mammedova menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung Kerjasama Pendidikan manakala MoU mengenai State Agency in Charge of Hydrocarbon ditandatangani Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Shamsul Azhar Abbas dan Pengarah Agensi Negara Bagi Pengurusan Penggunaan Sumber Hidrokarbon di Pejabat Presiden Turkmenistan Yagshygeldi Kakayev.

Berikutan itu, syarikat-syarikat Malaysia digesa merebut peluang dengan menceburi pelaburan baharu dalam sektor pembinaan, perlombongan, pendidikan, sains dan teknologi, produk halal dan perbankan Islam ekoran Turkmenistan kini giat dengan projek pembangunannya.

Turkmenistan sedang melaksanakan rancangan pembangunan lima tahun bermula

pada 2012 dengan peruntukan sebanyak US\$70 bilion.

Sepanjang tempoh itu, ia memberikan 1,888 projek bernilai US\$40 bilion kepada syarikat luar untuk membantu menjayakan program pembangunannya.

"Adalah lebih baik syarikat-syarikat Malaysia segera merebut peluang yang ada berikutan keyakinan tinggi Turkmenistan terhadap Malaysia," kata Norman.

Bagi produk halal dan perbankan Islam, katanya Malaysia dapat melaksanakan hasrat membantu Turkmenistan dalam bidang berkenaan menerusi Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan.

Beliau turut merancang mengadakan ekspo produk halal di negara ini dalam usaha memperkenalkan industri halal negara kepada enam juta penduduk Turkmenistan yang 93 peratus daripadanya beragama Islam.

Selain itu, isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor turut memainkan peranan dalam membawa Malaysia menjalinkan kerjasama kebudayaan dengan mempelawa pereka-pereka busana Turkmenistan menyertai Pameran Fesyen Malaysia di Kuala Lumpur bagi memperkenalkan hasil rekaan negara ini.

Menerusi platform itu, beliau melihat adanya ruang untuk kedua-dua pihak menjalinkan usahasama dalam bidang fabrik selain Malaysia dan Turkmenistan saling memperkenalkan rekaan busana masing-masing ke persada antarabangsa.

Malaysia dan Turkmenistan juga bersetuju untuk bekerjasama rapat dalam rangka kerja pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Secara umum, pembangunan di Turkmenistan dilihat mengandungi pengaruh Malaysia apabila ibu negeranya ini, Ashgabat, mempunyai pengaruh pusat pentadbiran Malaysia, Putrajaya.

Turkmenistan turut menjadikan Malaysia, yang dilihatnya sebagai negara Islam yang moden dan progresif, sebagai model pembangunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045345>